



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 47 / 2022

**PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON
PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) BAHAGIAN
PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017 PADANG SERAI DAN
DEWAN NEGERI N.42 TIOMAN, PAHANG**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh **Hari Penamaan Calon** bagi PRU Ke-15 Bahagian Pilihan Raya **Parlimen P.017 Padang Serai** dan **Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** pada **24 November 2022 (Khamis)**.

2. Bakal calon yang ingin bertanding dalam pilihan raya ini boleh menyerahkan kertas penamaan calon dari **jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** kepada Pegawai Pengurus di **Dewan Kompleks Sukan Kulim Hi-Tech, Kulim, Kedah** bagi Bahagian **Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai** manakala di **Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Rompin, Pahang** bagi Bahagian **Pilihan Raya Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang** oleh pihak-pihak seperti berikut:
 - a. calon, pencadang dan penyokong; **atau**
 - b. mana-mana dua orang daripada mereka; **atau**
 - c. mana-mana seorang daripada mereka.



3. Seterusnya, **calon-calon yang telah sah dinamakan sebelum ini (5 November 2022)** juga dikehendaki hadir ke Pusat Penamaan Calon (PPC) yang berkenaan antara jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi bagi tujuan cabutan undi untuk menentukan susunan nama pada kertas undi.
4. Bagi melancarkan proses penamaan calon, SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRU Ke-15 Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai dan Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan **Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri** yang berkenaan, sebelum Hari Penamaan Calon.
5. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah disarankan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal dan resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti pembayaran. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
6. Bagi bakal-bakal calon baharu yang mewakili mana-mana parti politik, adalah diingatkan bahawa surat kebenaran untuk menggunakan simbol parti yang diwakili hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan Kertas Penamaan Calon.

7. **Pada Hari Penamaan Calon, hanya calon, pencadang calon dan penyokong calon dibenarkan masuk ke PPC.** Penggunaan semua jenis alat muzik ataupun pembesar suara bagi tujuan dakwah politik melalui apa-apa cara termasuk menerusi penggunaan apa jua jenis kenderaan adalah tidak dibenarkan pada Hari Penamaan Calon dan merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.**

8. Orang awam serta penyokong-penyokong yang mengiringi calon adalah **dilarang menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan PPC yang telah ditetapkan.**

9. SPR menyeru kepada semua calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Penamaan Calon.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

23 November 2022 / 28 Rabiulakhir 1444H